




Pilih kata ganda yang paling sesuai. Membaca : TP4



- 1 Baju Beng Huat menjadi _____ akibat terjatuh ke dalam longkang.
- A warna-warni
 - B susah payah
 - C simpang-siur
 - D comot-momot

- 2 Kita perlu berhati-hati semasa memandu di jalan yang _____ itu kerana banyak kemalangan telah berlaku di situ.
- A bengkok-bengkok
 - B lalu-lalang
 - C calar-balar
 - D kacau-bilau



- 3 Pejalan kaki perlu menggunakan _____ untuk melintas jalan.
- A sesiku
 - B jejantas
 - C lelabah
 - D jejambat

- 4 Kita janganlah percaya akan jampi serapah yang _____ itu.
- A karut-marut
 - B desas-desus
 - C lemah gemalai
 - D corat-coref

- 5 Keadaan di selatan Thailand menjadi _____ akibat rusuhan yang sering berlaku.
- A huru-hara
 - B aman damai
 - C ramah-tamah
 - D terumbang-ambing

- 6 Segala _____ penjenayah itu sedang diintip oleh mata-mata gelap dari jarak yang dekat.
- A tingkah laku
 - B tunjuk ajar
 - C gerak-geri
 - D mundar-mandir

- 7 Puan Rina _____ apabila mendapat berita bahawa anaknya terlibat dalam kemalangan jalan raya.
- A riuh-rendah
 - B gundah-gulana
 - C bengkok-bengkok
 - D calar-balar

- 8 Adik berpegang _____ pada tangan ibu semasa menaiki tangga yang tinggi itu.
- A malu-malu
 - B bulat-bulat
 - C malas-malas
 - D kuat-kuat